

**Najib Masih Pemimpin Terbaik Untuk Terajui Malaysia - Abdullah
Bernama
8 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Tun Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata pengganti beliau Datuk Seri Najib Tun Razak masih menjadi pemimpin terbaik untuk menerajui negara selepas pilihan raya umum.

Bekas Perdana Menteri itu berkata beliau memberikan sokongan penuh kepada Najib dan berharap perdana menteri akan meneruskan agenda transformasi beliau.

"Rakyat Malaysia telah memberikan isyarat jelas yang mereka mahukan perubahan dan Najib perlu respons kepada itu dengan mempergiatkan lagi program transformasi beliau untuk menangani isu seperti rasuah, jenayah dan kos hidup.

"Saya percaya beliau sudah mempunyai strategi-strategi untuk melakukan penambahbaikan dalam bidang-bidang berkenaan," kata bekas Perdana Menteri itu dalam kenyataan hari ini.

Abdullah kini berada di Bahrain untuk menghadiri mesyuarat tahunan ke-31 Majlis AntaraTindakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948424>